

IPD Semporna, UMS jalin kerjasama terbitkan video korporat

NSR 10.9.2016 P

KOTA KINABALU: Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menerbitkan sebuah video korporat mengenai pelbagai operasi dan penugasan polis di IPD berkenaan.

Ketua Program Komunikasi UMS Saat Awang Damit berkata, kerjasama bagi menerbitkan video korporat berkenaan adalah pertama kali dibuat antara UMS dan pihak polis.

"Video itu akan memperlihatkan peranan yang dipikul dan aktiviti lain dilaksanakan oleh anggota dan pegawai di IPD Semporna.

"Menerusi video berkenaan juga orang ramai akan melihat peranan pihak polis menerusi operasi yang dijalankan seperti Op Kesan, Op Taring dan Op Bersepadu dengan pelbagai agensi lain," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan video berkenaan, di sini kelmarin.

Pembikinan video korporat IPD Semporna itu mula dibuat

sejak April lepas dengan penglibatan 12 pelajar Komunikasi tahun akhir Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) UMS.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Semporna Supt Peter Umbuas berkata jalinan kerjasama berkenaan merupakan satu daripada pendekatan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) selaras dengan tema Hari Polis tahun ini 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada'.

"Saya melihat komitmen dan kepimpinan yang tinggi telah ditunjukkan oleh Saat dan secara keseluruhannya, saya berpuas hati di atas usaha keras yang ditunjukkan oleh mereka untuk penghasilan video korporat ini.

"Oleh itu, kita berharap video korporat ini dapat mempromosikan keprofesionalan IPD Semporna kepada masyarakat tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa kerana ia akan ditayangkan semasa lawatan daripada orang awam, agensi kerajaan lain atau wakil kerajaan dari negara luar ke IPD Semporna," tambahnya. - Bernama